

**BERITA ONLINE
BERITA HARIAN
TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**



PLUS lancar program rintis selenggara lebuh raya guna integrasi teknologi

Oleh [Saadiah Ismail](#) - Disember 6, 2021 @ 4:58pm

saadiah_ismail@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr. Adham Baba (tengah) menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman antara Ketua Pegawai Operasi PLUS Malaysia Berhad, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi (dua,kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) Dzuleira Abu Bakar (dua,kiri) pada Majlis Pelancaran Program Rintis Sandbox Lebuh Raya Pintar kerjasama antara Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (INTIS) dan Plus Malaysia Berhad di Persada Plus hari ini.

KUALA LUMPUR: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar yang dilancarkan hari ini, bakal menjadi saluran inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan dalam urusan penyelenggaraan lebuh raya PLUS di seluruh negara.

Program berkenaan adalah antara inisiatif untuk mempercepatkan lagi proses penyelenggaraan lebuh raya dengan memanfaatkan teknologi terkini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata untuk permulaan kerjasama itu untuk memastikan pengurusan PLUS memenuhi hasrat kerajaan memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) menerusi penggunaan teknologi tinggi dan berkesan dalam pengurusan dan penyelenggaraan lebuh raya.

"Menerusi projek inovasi seperti pengesanan lubang di jalan raya, penambahbaikan trafik dan lalu lintas di lebuh raya, pengesanan data untuk mengenal pasti jumlah kenderaan di lebuh raya dan lain-lain, idea-idea yang hebat ini bakal memberi manfaat kepada pengguna lebuh raya di kalangan Keluarga Malaysia.

"Lebuh raya pintar ini berkonsepkan gabungan pelbagai peranti Internet Kebendaan (IoT) untuk meningkatkan kecekapan keselamatan pemandu serta pengguna serta penggunaan tenaga bersih untuk menggalakkan kelestarian.

"Kerjasama ini akan membuka peluang dan akses kepada teknologi baharu seperti sensor, sistem kecerdasan termaju dan keselamatan siber untuk membolehkan automasi kerja-kerja penyelenggaraan menerusi pengumpulan data yang pantas dan tepat di lebuh raya Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) Program Rintis Sandbox Lebuh Raya Pintar di antara Plus Malaysia Berhad (PLUS) dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) sebagai sekretariat utama mewakili Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS).

Dr Adham berkata, Malaysia perlu mengambil peluang untuk menerokai teknologi-teknologi baharu khususnya oleh bakat tempatan yang mampu meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya.

Katanya, MOSTI mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat pemula yang mampu meningkatkan pengalaman pengguna lebuh raya untuk menyertai ekosistem NTIS, seterusnya mempercepatkan pengkomersialan teknologi.

"Saya yakin bakat tempatan dalam kalangan syarikat-syarikat pemula mempunyai idea hebat bagi menambah baik kemudahan lebuh raya di negara ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi, dalam taklimatnya, berkata perancangan 'lima tahun teknologi pintar' itu merangkumi automasi pengesanan kecacatan cerun, automasi pengesanan kerosakan jambatan pada sepanjang 2022, automasi pengesanan kerosakan (jalan) pada 2023, pengesanan perkhidmatan trafik automatik dan pengesanan objek asing (2024), seterusnya mencapai automasi sepenuhnya menjelang 2025.

Katanya, PLUS juga merancang meningkatkan pelaburannya bagi mencapai tahap optimum inovasi dalam industri lebuh raya termasuk menggunakan analisis video dan teknologi kecerdasan buatan (AI).